

BERTARIKH PADA

HARI BULAN

2020

ANTARA

**PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
(MPC)**

DAN

**PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU
MALAYSIA (SELANGOR)
(No. Persatuan: PPM 004-14-09121998-000005)**

PERJANJIAN

**MENGENAI PELAKSANAAN AKTIVITI INTERVENSI TERHADAP
SYARIKAT AHLI-AHLI PERDASAMA NEGERI SELANGOR
DI BAWAH PROGRAM
SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS
(SPPE)**

Perjanjian ini dibuat pada _____ haribulan _____ 2020

ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966 [Akta 408] yang beralamat di Lorong Produktiviti, Off Jalan Sultan, 46200 Petaling Jaya, Selangor (kemudian daripada ini disebut “**MPC**”), bagi satu pihak;

DAN

PERSATUAN PEDAGANG DAN PENGUSAHA MELAYU MALAYSIA (SELANGOR), sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355) yang beralamat di 18-01 Jalan Bidara 7/1, Saujana Utama Sungai Buloh 47000 Selangor Darul Ehsan (kemudian daripada ini disebut sebagai “Agensi Pelaksana” atau “**PERDASAMA NEGERI SELANGOR**” bagi pihak yang satu lagi.

MPC dan PERDASAMA NEGERI SELANGOR kemudian daripada ini secara individu dirujuk sebagai “Pihak” dan secara bersama dirujuk sebagai “Kedua-dua Pihak”.

BAHAWASANYA-

- A. MPC telah menawarkan bagi menjalankan program yang dinamakan sebagai Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).
- B. Agensi Pelaksana iaitu PERDASAMA NEGERI SELANGOR telah bersetuju menawarkan sepuluh syarikat ahli-ahli PERDASAMA NEGERI SELANGOR, untuk menyertai program SPPE dan memenuhi obligasi tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan selepas ini.

KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU SEPERTI BERIKUT:

FASAL 1

DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Definisi

Di dalam Perjanjian ini, melainkan konteksnya mengkehendaki maksud yang lain, di mana-mana terdapat ungkapan-ungkapan di bawah ianya memberi maksud seperti berikut:-

“Bulan”	bermaksud bulan kalendar mengikut kalendar Gregorian;
“Jadual”	hendaklah bermaksud jadual atau lampiran yang dilampirkan bersama dalam Perjanjian ini dan hendaklah disifatkan menjadi sebahagian dan dibaca bersama dengan Perjanjian ini;
“Peruntukan Bajet 2020”	bermaksud peruntukan pembangunan yang diperolehi dari Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi pelaksanaan Program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE) bagi tahun 2020.
“Agensi Pelaksana” atau “PERDASAMA NEGERI SELANGOR”	bermaksud PERDASAMA NEGERI SELANGOR , sebuah organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta 355) yang beralamat di 18-01 Jalan Bidara 7/1, Saujana Utama Sungai Buloh 47000 Selangor Darul Ehsan dan hendaklah termasuk wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penerima-penerima pindah milik Agensi Pelaksana tersebut;

“Perjanjian”	hendaklah bermaksud kepada Perjanjian ini termasuk lampiran-lampiran dan mana-mana perubahan dan variasi yang dipersetujui bersama di antara Pihak-pihak menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini;
“Ringgit Malaysia” atau “RM”	hendaklah bermaksud kepada nilai mata wang semasa Malaysia;
“Peserta”	Merupakan syarikat di dalam kategori PKS (Perusahaan Kecil dan Sederhana) sepertimana yang telah ditakrifkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

1.2 Tafsiran

Dalam Perjanjian ini dan dalam syarat-syarat penentuan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- (a) Tajuk-tajuk besar dan tajuk-tajuk kecil kepada artikel-artikel dan bahagian-bahagian di dalam Perjanjian ini dimasukkan bertujuan untuk kekemasan dan keselesaan dokumen Perjanjian ini dan ianya tidak menjejaskan sebahagian dan/atau keseluruhan interpretasi dalam perjanjian ini;
- (b) Rujukan kepada mana-mana statut atau peruntukan statutori adalah merangkumi rujukan-rujukan kepada statut atau peruntukan statutori yang dipinda atau digubal semula;
- (c) Rujukan kepada lampiran, klausa, sub klausa, fasal, sub fasal atau jadual adalah rujukan kepada lampiran, klausa, sub-klausa, fasal, sub fasal atau jadual dalam Perjanjian ini; dan
- (d) Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini dengan Lampiran–lampiran kepada Perjanjian ini, terma-

terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

FASAL 2

PERUNTUKAN PROGRAM

- 2.1 Dana Peruntukan Bajet 2020 yang diperuntukkan bagi tujuan Perjanjian ini adalah sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Ribu** (RM230,000.00) sahaja (Tanpa bayaran *Goods & Services Tax* (GST) (kemudian daripada ini disebut sebagai “Peruntukan”) dan saluran peruntukan tersebut akan dibuat di dalam tahun 2020 bagi **10 syarikat**.
- 2.2 Dana Peruntukan Bajet 2020 di Perenggan 2.1 tidak boleh ditambah kecuali jika telah dibenarkan oleh MPC dalam bentuk pindaan kepada Perjanjian ini dan dipersetujui serta ditandatangani oleh Kedua-dua Pihak.

FASAL 3

GARIS PANDUAN

Kedua-dua Pihak bersetuju mematuhi syarat -syarat berikut:

- 3.1 Peruntukan yang disalurkan akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan aktiviti intervensi bagi program Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris (SPPE);
- 3.2 Garis panduan pelaksanaan, kegunaan serta mekanisme yang akan digunakan bagi pelaksanaan Program *SPPE* adalah seperti yang terkandung di dalam **Lampiran A**.
- 3.3 Pelaksanaan Program akan ditadbir oleh satu Jawatankuasa Pemandu *SPPE* yang sediada. Jawatankuasa Pemandu ini akan menyelia dan memberikan halatuju strategik program serta mempunyai fungsi, tetapi tidak terhad, seperti berikut:
- Memastikan pengurusan program yang berkesan dan cekap;
 - Meluluskan projek dan mengeluarkan dana Program; dan

- Menetapkan petunjuk prestasi Program serta memantau dan menilai pencapaiannya.

3.4 Agensi Pelaksana dari semasa ke semasa bertanggungjawab melaporkan kemajuan projek kepada Jawatankuasa ini mengikut fasa yang ditetapkan.

FASAL 4

TEMPOH PERJANJIAN

- 4.1 Perjanjian ini adalah berkuat kuasa selama lima (6) bulan mulai dari **1HB APRIL 2020** (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Kuat Kuasa Perjanjian”) sehingga **31HB OKTOBER 2020** (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tarikh Tamat”) (kemudian daripada ini disebut sebagai “Tempoh Perjanjian”).
- 4.2 Mana-mana Pihak berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis secara bertulis kepada Pihak yang lagi satu dalam tempoh satu (1) bulan.
- 4.3 Agensi Pelaksana boleh memohon kepada MPC secara bertulis untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian tidak kurang dari dua (2) bulan sebelum Tarikh Tamat jika ia bercadang untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, manakala MPC mempunyai budi bicara mutlak sama ada boleh atau tidak untuk mempertimbangkan permohonan tersebut.
- 4.4 Kedua-dua Pihak dengan segera perlu merundingkan terma-terma dan syarat-syarat lanjutan yang tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat selepas mendapat kelulusan lanjutan oleh Kerajaan. Sekiranya Kedua-dua Pihak gagal mencapai persetujuan, maka Perjanjian ini tamat serta-merta mengikut Tempoh Perjanjian.

FASAL 5

SKOP PERJANJIAN

- 5.1 MPC dan Agensi Pelaksana bersetuju dan bertanggungjawab mematuhi terma-terma yang telah ditetapkan seperti yang terkandung dalam Fasal 3.
- 5.2 MPC dan Agensi Pelaksana bersetuju bersama-sama untuk memilih, menyenarai pendek dan mengenalpasti syarikat yang akan mengikuti program ini.
- 5.3 MPC bersetuju untuk membuat pembayaran kepada Agensi Pelaksana secara berperingkat (seperti yang dirujuk dalam Perenggan 3, Lampiran A) apabila program yang berkaitan dengan peringkat tersebut (seperti yang dirujuk dalam Perenggan 3, Lampiran A) telah selesai dilaksanakan dan mengikut tuntutan yang akan dibuat.

FASAL 6

OBLIGASI AGENSI PELAKSANA

- 6.1 Agensi Pelaksan bersetuju melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - (a) membantu MPC mendapatkan 10 syarikat ahli-ahli di bawah agensi pelaksana bagi menyertai SPPE;
 - (b) mengurus, melantik dan memantau pembekal latihan yang berkecualan agar dapat menjalankan intervensi secara berkesan selaras dengan objektif dan matlamat program SPPE.
 - (c) memastikan Program SPPE dijalankan berdasarkan garis panduan yang dinyatakan di dalam Fasal 3 Perjanjian ini dan diperuntukkan di dalam Lampiran A kepada Perjanjian ini yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak;
 - (d) memastikan pelaksanaan Program SPPE adalah mematuhi dan tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa;

- (e) mengemukakan status syarikat yang tidak dapat meneruskan program yang dijalankan dan perbincangan perlu diadakan antara kedua-dua pihak;
- (f) mengemukakan status pencapaian dan laporan kemajuan kepada MPC dari masa ke semasa;
- (g) menjalankan apa-apa kewajipan lain yang perlu untuk memastikan Program SPPE dilaksanakan secara berkesan sebagaimana dipersetujui antara kedua-dua pihak; dan
- (h) apa-apa obligasi lain yang ditetapkan oleh MPC dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

6.2 Sekiranya MPC fikirkan sesuai dan perlu, MPC dan/atau Unit Perancangan Ekonomi (EPU) atau juruaudit yang dilantiknya, melalui permintaan MPC boleh mengaudit akaun Agensi Pelaksana khusus kepada Peruntukan di bawah Perjanjian ini sahaja dan Agensi Pelaksana hendaklah memberikan segala kerjasama dan bantuan yang perlu kepada MPC dan/atau EPU atau juruaudit dalam pengendalian proses mengaudit tersebut.

FASAL 7

PENAMATAN

7.1 Penamatan Secara Am

Sekiranya Agensi Pelaksana tanpa sebab yang munasabah:

- (a) gagal meneruskan pelaksanaan obligasi secara lazim dan tekun di bawah Perjanjian ini;
- (b) gagal melaksanakan obligasi menurut kehendak Perjanjian ini atau telah secara berterusan cuai menjalankan obligasi di bawah Perjanjian ini;
- (c) gagal menjalankan tugas di bawah Perjanjian ini; atau

- (d) melanggar mana-mana obligasi atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini;

maka MPC hendaklah memberikan notis secara bertulis yang memaklumkan keingkaran tersebut kepada Agensi Pelaksana dan meminta Agensi Pelaksana membuat remedi dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis. Sekiranya Agensi Pelaksana masih gagal membuat sebarang remedi ke atas keingkaran dalam tempoh yang diberikan atau mana-mana tempoh lain yang boleh ditetapkan oleh MPC, maka MPC hendaklah mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas notis bagi tujuan penamatan diberikan.

7.2 Kesan Penamatan

Apabila penamatan Perjanjian ini dibuat menurut subfasal 7.1 di atas:

- (a) semua kuasa obligasi dan hak yang diberikan dan wujud di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta merta;
- (b) Agensi Pelaksana hendaklah:
 - i. serta merta menghentikan semua obligasi;
 - ii. mengemukakan kepada MPC laporan terperinci berhubung dengan kos obligasi;
 - iii. menamatkan semua kontrak pihak ketiga yang melibatkan Agensi Pelaksana berhubung dengan obligasi di bawah Perjanjian ini; serta
- (c) MPC hendaklah mempunyai hak untuk melantik Agensi Pelaksana lain bagi tujuan menjalankan dan menyelesaikan obligasi tersebut yang mana Agensi Pelaksana hendaklah membayar kepada MPC apa-apa

kos dan perbelanjaan tambahan yang wujud dan yang mana sepatutnya dibayar sekiranya Perjanjian ini tidak ditamatkan.

DENGAN SYARAT bahawa penamatan ini tidak akan menjejaskan atau memberi kesan kepada hak mana-mana pihak yang wujud sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dan apa-apa obligasi di bawah Perjanjian berhubung dengan apa-apa perbuatan tindakan, perkara atau hal yang berlaku yang wujud sebelum Penamatan Perjanjian akan berterusan walaupun selepas Perjanjian ditamatkan.

7.3 PENAMATAN KERANA RASUAH, AKTIVITI HARAM, ATAU MENYALAH UNDANG-UNDANG

- (a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika MPC berpuas hati bahawa Syarikat, prinsipal, personel atau pekerjaanya disabitkan oleh mahkamah bagi perbuatan rasuah atau aktiviti haram atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan Perjanjian ini atau mana-mana perjanjian lain yang dimasuki oleh Syarikat dengan MPC, MPC berhak untuk menamatkan Perjanjian ini dengan serta-merta dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat.
- (b) Jika Perjanjian ini ditamatkan mengikut Klausula 7(a), kesan-kesan penamatan mengikut Klausula 7.2 adalah terpakai.

7.4 Penamatan atas Dasar Kerajaan

- (a) Tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan dalam Perjanjian ini, MPC boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa memberi apa-apa pampasan) dengan memberikan notis tidak kurang dari tiga puluh (30) hari dari tarikh penamatan diniatkan kepada PERDASAMA NEGERI SELANGOR

(tanpa apa-apa obligasi memberikan sebarang alasan) jika Kerajaan berpendapat bahawa penamatan Perjanjian ini adalah perlu bagi kepentingan Negara, demi keselamatan Negara atau bagi tujuan mematuhi dasar Kerajaan Malaysia atau dasar awam.

- (b) Bagi tujuan subfasal 7.3 (a) Perjanjian ini, apa yang dimaksudkan dengan kepentingan negara, demi keselamatan negara atau bagi tujuan mematuhi dasar Kerajaan Malaysia atau dasar awam hendaklah ditentukan dan ditafsirkan oleh Kerajaan dan penentuan dan penafsiran ini hendaklah muktamad dan konklusif dan hendaklah tidak terbuka kepada apa-apa penentangan atau bantahan daripada Agensi Pelaksana.

FASAL 8

KERAHSIAAN

8.1 Agensi Pelaksana hendaklah pada setiap masa mematuhi peruntukan-peruntukan berikut:

- (a) Tidak boleh menggunakan apa-apa kebenaran yang diberi oleh MPC kepada pihak ketiga yang dilantik dan pekerjaanya di bawah Perjanjian ini untuk mendapatkan apa-apa benda, suratan atau maklumat rasmi Kerajaan;
- (b) Sesuatu benda, suratan atau maklumat rasmi Kerajaan yang diperolehinya melalui Perjanjian ini hendaklah dikawal dan dijaga keselamatan atau kerahsiaan benda, suratan atau maklumat rasmi itu menurut segala peraturan dan undang-undang terpakai; dan
- (c) Agensi Pelaksana tanpa kebenaran yang sah, tidak boleh membantu atau membenarkan orang lain memiliki benda, suratan atau maklumat rasmi MPC yang berkaitan dengan tugas atau tempat di bawah Perjanjian ini.

- 8.2 Sekiranya Agensi Pelaksana gagal mematuhi peruntukan di bawah subfasal 8.1, Agensi Pelaksana boleh didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] atau undang-undang lain yang berkaitan atau ditamatkan perjanjiannya atau kedua-duanya sekali.

FASAL 9

INDEMNITI / TANGGUNG RUGI

- 9.1 Agensi Pelaksana bersetuju dengan MPC seperti berikut:

- (a) Bahawa Agensi Pelaksana hendaklah dengan menanggung risiko sendiri melaksanakan semua obligasi di bawah Perjanjian ini serta melepaskan MPC serta pekerja dan agennya, setakat yang dibenarkan undang-undang daripada apa jua tuntutan yang wujud termasuk tuntutan daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian akibat daripada tindakan melaksanakan perkhidmatan di bawah Perjanjian ini kecuali jika ianya diakibatkan atau disumbangkan oleh apa-apa perlakuan atau ketinggalan atau kecuaihan MPC atau pekerja atau agen MPC;
- (b) kecuali jika ianya diakibatkan atau disumbangkan oleh apa-apa perlakuan atau ketinggalan atau kecuaihan MPC atau pekerja atau agen MPC, Agensi Pelaksana hendaklah memberikan tanggungrugi dan idemniti kepada MPC daripada atau terhadap semua tindakan, guaman, tuntutan dan permintaan, kehilangan, kerugian, pampasan, kos (kos guaman), caj dari perbelanjaan yang mana MPC hendaklah atau bolehlah dipertanggungjawabkan akibat daripada tindakan melaksanakan perkhidmatan di bawah Perjanjian ini di dalam keadaan seperti berikut:
 - i. perbuatan salahguna dan kecuaihan oleh Agensi Pelaksana atau pekerja atau agen atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Agensi Pelaksana termasuklah pekerja atau agen pihak lain itu;

- ii. apa-apa kehilangan atau kerosakan ke atas harta benda atau kecederaan berkaitan apa jua perkara yang diakibatkan atau disumbangkan oleh Agensi Pelaksana atau pekerja atau agen atau mana-mana pihak lain yang dilantik oleh Agensi Pelaksana termasuklah pekerja atau agen pihak lain itu, ke atas mana-mana orang yang tidak melibatkan kecuaiian, kesilapan atau ketinggalan MPC atau pekerja atau agennya.

9.2 Kecuali jika ianya diakibatkan atau disumbangkan oleh apa-apa perlakuan atau ketinggalan atau kecuaiian MPC atau pekerja atau agen MPC, Agensi Pelaksana hendaklah dengan menanggung kos sendiri memberikan indemniti, melindungi dan mempertahankan MPC dan pekerja atau agen daripada dan terhadap apa jua tindakan, tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada tindakan oleh Agensi Pelaksana di dalam melaksanakan Perjanjian ini termasuklah penggunaan hakcipta milik mana-mana orang dalam apa jua bentuk.

FASAL 10

PINDAAN, TAMBAHAN DAN PERUBAHAN

- 10.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat melalui Perjanjian Tambahan yang merujuk kepada Perjanjian ini dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan pindaan tambahan dan perubahan tersebut hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 10.2 Apa-apa pindaan, tambahan dan perubahan tidak akan menjejaskan hak-hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Perjanjian ini sebelum atau sehingga tarikh pindaan, tambahan dan perubahan berkuatkuasa.

FASAL 11

PERJANJIAN KECIL/SUBKONTRAK

- 11.1 Agensi Pelaksana tidak boleh memajakkan kesemua atau apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa Perjanjian kecil bagi tujuan melaksanakan Perjanjian ini atau apa-apa bahagiannya tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MPC

FASAL 12

JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 12.1 Apa-apa pertikaian di antara pihak-pihak dalam apa jua hal yang berbangkit daripada Perjanjian ini boleh dirujuk kepada suatu Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian (selepas ini boleh dirujuk sebagai "Jawatankuasa") yang hendaklah terdiri daripada:-
- (i) Ketua Pengarah MPC, atau wakilnya, sebagai Pengerusi;
 - (ii) Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh MPC; dan
 - (iii) Dua (2) orang wakil yang dilantik oleh PERDASAMA NEGERI SELANGOR.
- 12.2 Jawatankuasa boleh melantik satu pakar bebas dalam bidang berkaitan atau satu pakar bebas dalam setiap bidang yang berkaitan (sekiranya lebih daripada satu bidang) untuk menasihatkannya dalam apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya semua kos, dan perbelanjaan mana-mana pakar bebas yang dilantik hendaklah ditanggung secara sama rata oleh Pihak-pihak.
- 12.3 Jawatankuasa hendaklah menentukan prosedur-prosedurnya sendiri. Jawatankuasa hendaklah bertemu dan bermesyuarat bagi mendapatkan penyelesaian damai di antara Pihak-pihak dalam perkara yang dirujuk kepadanya.
- 12.4 Jika, apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang telah dirujuk kepada Jawatankuasa tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-pihak yang berkaitan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan tersebut, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbang tara.

FASAL 13

TIMBANG TARA

- 13.1 Jika apa-apa perkara, pertelingkahan atau tuntutan yang timbul daripada atau bersangkutan dengan Perjanjian ini atau kemungkiran atau penamatan yang tidak boleh dipersetujui atau tidak boleh diselesaikan secara persahabatan oleh Pihak-pihak, perkara, pertelingkahan atau tuntutan itu hendaklah dirujuk kepada seorang penimbang tara yang dipersetujui antara Pihak-pihak dan kegagalan kepada persetujuan tersebut akan dilantik di atas permohonan salah satu Pihak oleh Ketua Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau di Kuala Lumpur dan apa-apa rujukan hendaklah disifatkan sebagai tertakluk kepada timbang tara bagi maksud Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646]. Keputusan penimbang tara itu hendaklah muktamad dan mengikat Pihak-pihak.
- 13.2 Setiap timbang tara itu hendaklah didengar di Pusat Timbang Tara Serantau, Kuala Lumpur dengan menggunakan kemudahan dan sistem yang didapati di pusat tersebut.

FASAL 14

NOTIS

- 14.1 Apa-apa notis yang dikehendaki diberikan dalam Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar dengan pos berdaftar atau diserahkan secara sendiri ke alamat yang berikut:

(a) Bagi Pihak MPC:

Jawatan : Ketua Pengarah MPC
Alamat : Peti Surat 64, Lorong Produktiviti off Jalan Sultal,
46200, Petaling Jaya, Selangor
No. Telefon : 03 – 7955 7266
No. Faks : 03 – 7955 1824

(b) Bagi pihak Agensi Pelaksana :

Jawatan : Yang DiPertua
Alamat : PERDASAMA NEGERI SELANGOR
18-02 Jalan Bidara 7/1,
Saujana Utama
47000 Sungai Buloh Selangor
No. Telefon : 03- 6038 5656
No. Faks : 03- 6038 5656

- 14.2 Pihak-pihak hendaklah memberi notis bertulis dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh pertukaran alamat sekiranya berlaku pertukaran alamat tersebut.

FASAL 15

UNDANG-UNDANG

- 15.1 Perjanjian ini hendaklah ditentukan oleh dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak mematuhi sepenuhnya kepada bidangkuasa mahkamah Malaysia.

FASAL 16

KOS PERJANJIAN DAN DUTI SETEM

- 16.1 Setiap Pihak hendaklah menanggung kos dan perbelanjaannya sendiri berkenaan dengan penyediaan dan pelaksanaan Perjanjian ini tetapi duti setem untuk Perjanjian ini akan ditanggung sama rata antara Kedua-dua Pihak.

FASAL 17

PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 17.1 Agensi Pelaksana hendaklah mematuhi undang-undang yang terpakai kepada Perjanjian ini termasuk semua panduan, perintah, keperluan dan arahan yang diberi kepada Agensi Pelaksana oleh mana-mana pihak berkuasa di bawah undang-undang yang terpakai.

FASAL 18

MASA

- 18.1 Masa di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini adalah merupakan intipati kepada Perjanjian ini.

FASAL 19

KETAKSAHAN

- 19.1 Jika mana-mana terma, syarat, stipulasi, aku janji dan obligasi yang di peruntukkan dalam Perjanjian ini diputuskan sebagai tidak sah atau bersalahan daripada segi undang-undang di bawah mana-mana undang-undang yang telah ada atau yang akan diluluskan atau peraturan yang terpakai semasa tempoh kontrak ini, terma, syarat, stipulasi, aku janji dan obligasi itu hendaklah dianggap tidak pernah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- 19.2 Terma, syarat, stipulasi, aku janji dan obligasi yang sah dan tidak bersalahan itu hendaklah dikekalkan dan berkuat kuasa sepenuhnya dan hendaklah tidak terjejas oleh terma, syarat, stipulasi, aku janji dan obligasi yang tidak sah atau bersalahan daripada segi undang-undang itu.

FASAL 20

PELUPUSAN HAK

- 20.1 Kegagalan mana-mana Pihak dalam menjalankan penguatkuasaan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Perjanjian ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu pelupusan hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu.
- 20.2 Sebarang pelupusan hak oleh mana-mana Pihak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh Pihak tersebut.

FASAL 21

IKATAN PERJANJIAN

- 21.1 Perjanjian ini hendaklah mengikat agen-agen, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir, pengganti-pengganti dan penamaan pindah milik Agensi Pelaksana.

FASAL 22

IKLAN

- 22.2 Tiada iklan mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau apa-apa bentuk pengiklanan melainkan jika ia telah dihantar terlebih dahulu kepada Kerajaan dan diluluskan secara bertulis oleh MPC.

FASAL 23

KESELURUHAN PERJANJIAN

- 23.1 Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman di antara kedua-dua pihak dengan obligasi-obligasi kedua-dua pihak dalam mengusahakan Program SPPE dan mengatasi serta membatalkan mana-mana perjanjian, kontrak, representasi, persetujuan, surat rundingan persefahaman, syarat-syarat dan terma-terma terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuatkuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau sama ada secara lisan atau bertulis, di antara kedua-dua pihak terhadap atau berkaitan dengan Program SPPE dalam Perjanjian ini.

Baki mukasurat ini adalah dikosongkan dengan sengaja

Sebagai menyaksikan, Kedua-dua Pihak telah menyempurnakan Perjanjian ini atau menyebabkan ianya disempurnakan bagi Kedua-dua Pihak oleh wakilnya dengan menurunkan tandatangan di bawah ini:

Ditandatangani oleh dan bagi pihak
**PERBADANAN PRODUKTIVITI
MALAYSIA (MPC)**

Ditandatangani oleh dan bagi pihak
PERDASAMA NEGERI SELANGOR

.....
(DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN)
KETUA PENGARAH MPC

.....
(MOHD. AZAMANIZAM BAHARON)
YANG DIPERTUA
PERDASAMA NEGERI SELANGOR

DISAKSIKAN:

DISAKSIKAN:

.....
(AB. RAHIM YUSOFF)
TIMBALAN KETUA PENGARAH MPC

.....
(NURUL FAIDZ BIN DATO ZAID)
BENDAHARI
PERDASAMA NEGERI SELANGOR

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PROGRAM SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRIS (SPPE)

(a) Pengenalan

Di dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), MPC melalui Bahagian Pembangunan Kualiti Dan Kecemerlangan (QED) telah memohon bajet pembangunan bagi menjalankan program yang dinamakan sebagai Skim Peningkatan Produktiviti Enterpris – *Malaysia Productivity Blueprint* (SPPE-MPB).

Unit Perancang Ekonomi (EPU), melalui surat yang diperolehi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bertarikh 24hb Oktober 2016 telah memaklumkan mengenai permohonan bajet bagi menjalankan skim tersebut telah diluluskan.

(b) Fasa Pelaksanaan

Secara amnya, pelaksanaan program SPPE ini adalah meliputi fasa-fasa berikut:

Fasa		Aktiviti	Pelaksana
1.	i.	Pemilihan Syarikat <i>a. Engagement</i> <i>b. Kem pembudayaan atau Bengkel Leadership Awareness</i>	MPC
	ii.	Sesi Pra-Diagnostik menggunakan instrumen BEF (<i>Business Excellence Frame</i>) dan PGM (<i>Productivity Gain Measurement</i>)	
2.	iii.	Fasa 2: Intervensi	PERDASAMA NEGERI SELANGOR melalui pembekal latihan yang dilantik.
3.	iv.	Post-Diagnostik	MPC
	v.	Pemilihan syarikat contoh dan perkongsian amalan terbaik.	MPC

(c) Kaedah Pembayaran Yang Dicadangkan

Kos keseluruhan sebanyak RM230,000 (tanpa GST) dan akan disalurkan mengikut aktiviti pelaksanaan program seperti berikut;

Modul & Aktiviti	Bil. Hari	Komponen Kos Setiap Syarikat (RM)		Kos per syarikat (RM)	Kos 10 syarikat (RM)
		Intervensi (RM)	GST (6%)		
1. Business Profiling and Project Profiling	1	1,550	tiada	1,550	15,500
2. Bengkel 1: <i>Lean/5S Workshop</i>	2	1,750	tiada	3,500	35,000
3. Bengkel 2: <i>Project Implementation Workshop</i>	2	1,750	tiada	3,500	35,000
4. Bengkel 3: Creative Problem Solving Workshop	2	1,750	tiada	3,500	35,000
5. Sesi bimbingan (Coaching)	6	1,550	tiada	9,300	93,000
6. Final Project Presentation and Assessment	1	1,650	tiada	1,650	16,500
Jumlah	14		tiada	23,000	230,000

(d) Pemilihan Peserta

Program ini adalah terbuka kepada semua perniagaan PKS di sektor peruncitan di bawah PERDASAMA NEGERI SELANGOR yang dikenalpasti dan dicalonkan oleh agensi pelaksana untuk ditawarkan menyertai SPPE. Jawatankuasa Pemandu SPPE akan membuat keputusan ke atas pencalonan tersebut.

(e) Tatacara Permohonan

Semua permohonan bagi menyertai SPPE adalah melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Bagi tujuan pembayaran, pihak PERDASAMA NEGERI SELANGOR perlu mengeluarkan invois kepada MPC bagi tujuan membuat tuntutan bayaran kemajuan.

**SENARAI SYARIKAT DI BAWAH PERDASAMA YANG DILULUSKAN
UNTUK MENYERTAI PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM DI BAWAH
SKIM PENINGKATAN PRODUKTIVITI ENTERPRISE TAHUN 2020**

No.	Senarai Syarikat
1.	Green Building Development Consulting No. 3, Jalan 24/56 off Taman Setia Wangsa, 54200 Kuala Lumpur
2.	Restoran Belanga & Katering No 40 & 42, Jalan Zirkon E/7E, Seksyen 7 Shah Alam, Selangor
3.	Asa Palmilk (M) Sdn Bhd Tingkat 5, Wisma Dato' Shaari, Kompleks Barter Trade, Lot PT 600, Jalan Pelabuhan, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor
4.	Pusat Tuisyen Intelek Pintar No. 25& 25-1, Jalan PUJ 3/1, Taman Puncak Jalil, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan Selangor
5.	Industri Bonda (M) Sdn Bhd A-G-27, Jalan PJS 28/2, Pusat Perniagaan Metro Square, 46150 Petaling Jaya, Selangor
6.	Jendela Informasi Sdn Bhd No 5-1, Jalan Damai Puspa 5, Alam Damai 56000 Cheras Kuala Lumpur
7.	Bis Pro Freight Sdn Bhd W-05-04, Gamuda B12 Suite, Kota Kemuning 40460 Shah Alam
8.	Heritage One Nur Sdn Bhd No 5, Jalan 24/56, off Taman Setia Wangsa, 54200 Kuala Lumpur
9.	FJ Bizz Resources M4-c-5, Jalan PANDAN Indah 4/1A, Pandan Indah, Kuala Lumpur
10.	Syarikat Sweet Azza Sdn Bhd 79, Jalan Tasik Indah 1, Taman Tasik Indah, 51200 Kuala Lumpur.